

8 Petua Untuk Menghilangkan Jerawat

Salam kepada semua ahli **K-LINK**! Kami akan membincangkan topik 'sebab pembentukan jerawat pada muka' dalam isu ini.

Jerawat boleh dibahagi kepada dua jenis, iaitu berlaku pada umur remaja di lingkungan umur 14 - 20 tahun yang disebabkan oleh perembesan hormon yang aktif dalam badan, rembesan kelenjar sebum yang banyak serta lemak dan sisa-sisa buangan yang tidak dapat disingkirkan akan menyebabkan liang roma tersumbat dan jerawat terbentuk. Satu lagi jenis ialah muka masih berjerawat walaupun sudah melepasi peringkat umur remaja. Sebenarnya ini berkait rapat dengan faktor kulit, badan dan keturunan seseorang, biasanya akan berlaku dalam keadaan seperti berikut:

1. Pembersihan kulit yang tidak betul dan bersih
2. Sebelum kedatangan haid dan semasa datang haid yang mempengaruhi hormon
3. Pengambilan ubat hormon seperti pil kontraseptif
4. Emosi dan tekanan, insomnia telah menyebabkan gangguan hormon
5. Masalah usus dan perut, contohnya sembelit dan ketidakselesaan perut

"Masalah jerawat bukan sahaja dihadapi oleh golongan muda, malah juga berlaku di kalangan orang pertengahan umur. Maka, anda perlu menanganinya dengan cara yang betul, mengamalkan kehidupan yang sihat serta konsep penjagaan kulit iaitu Pembersihan, Pengaktifan dan Penyeimbangan bagi menghilangkan jerawat dan menyerlahkan kulit anda!"



Cik Fiona Ho
Pengurus Kanan Kecantikan
K-LINK International
Perunding Kecantikan,
Jurusolek Profesional &
Jururias Tangan dan Kuku

Petua-Petua Penjagaan Kulit:

1. Mereka yang berkulit minyak dengan rembesan sebum yang berlebihan harus elak lakukan urutan pada wajah supaya tidak merangsangkan rembesan sebum dan membentuk jerawat.
2. Mereka yang berkulit minyak harus mengamalkan wajah muka yang bersih dan kering.
3. Mereka yang memiliki masalah jerawat serius harus elak daripada mengguna bedak dan kosmetik.
4. Jangan tekan jerawat dengan tangan untuk mengelakkan bakteria disebarkan dan mengakibatkan masalah kulit yang lebih serius.
5. Mereka yang berjerawat harus elak daripada pendedahan kepada cahaya matahari.
6. Hindari makanan pedas dan goreng, jangan minum minuman alkohol dan merokok.
7. Mengamalkan tabiat membuang air besar setiap hari, banyakkan bersenam dan rehat yang cukup.
8. Tidur yang cukup dan bersantai.

Penjagaan Kulit K-LINK dengan 3 cara mudah:

Langkah 1 **PEMBERSIHAN** Siri K-BeauCareline® Bird's Nest - Deep Purifying Cleansing Gel



Pembersih lembut ini membersihkan serta menanggalkan solekan di samping menenangkan dan menghidratkan kulit secara efektif agar kulit wajah terasa segar dan lembut. Penambahan ramuan ekstrak sarang burung boleh meningkatkan tenaga dan memperbaiki kulit dengan berkesan.

Langkah 2 **PENYEIMBANGAN** Siri K-BeauCareline® Bird's Nest - Clarifying Toning Lotion



Diperkaya dengan aneka ekstrak tumbuhan, unsur mineral dan mikronutrien bagi meningkatkan kelembapan dan mengaktifkan sel kulit agar kulit terasa segar. Penambahan ramuan sarang burung yang amat bernilai dalam penjagaan kulit boleh memberikan nutrisi bagi mencerahkan tona kulit agar wajah kelihatan lebih berseri.

Langkah 3 **PENGAKTIFAN** Siri K-BeauCareline® Bird's Nest - Ultra-Essence Moisturizing Gel



Pelembap ringan bebas minyak yang dirumuskan dengan Sodium Hyaluronate ini boleh meresap ke dalam kulit dengan pantas untuk mengembalikan kelembapan. Ia mengandungi ramuan aktif marin dan ekstrak sarang burung bagi membekalkan penghidratan intensif, mengurangkan penampilan garis halus serta bantu memperbaiki kulit kering dan kusam. Ia juga memiliki manfaat antioksidan dan anti-penuaan agar kulit terasa segar, anjal dan lembap.